

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Pengajian Undang-Undang
Sent: Thursday, May 3, 2018 4:02 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: BENGKEL AMALAN PROFESIONAL 2018



Pusat Pengajian Undang-Undang
SCHOOL OF LAW
Universiti Utara Malaysia

03 MEI 2018 / 17 SYAABAN 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan



SoL Online: Pusat Pengajian Undang-undang (SoL) dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Undang-undang (LAWSOC) telah mengadakan Bengkel Amalan Profesional 2018 pada 28 - 29 April 2018. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan berkenaan praktis dalam amalan guaman kepada 96 orang pelajar tahun akhir Program Sarjana Muda Undang-undang Dengan Kepujian [(LL.B) Hons].

Bengkel selama dua hari itu telah dikendalikan sepenuhnya oleh Profesor Adjung SoL, Yang Amat Arif Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum, Hakim Besar Sabah dan Sarawak. Ini adalah kunjungan ketiga Yang Amat Arif Tan Sri ke Universiti Utara Malaysia (UUM) selaku Profesor Adjung SoL bagi berkongsi ilmu berkaitan amalan undang-undang dengan warga UUM, khasnya kepada pelajar program Undang-undang.

Dekan SoL, Prof. Madya Dr. Zainal Amin Ayob dalam ucapannya berharap semua pelajar dapat memanfaatkan sepenuhnya ilmu yang dicurahkan oleh Yang Amat Arif Tan Sri sebagai persediaan sebelum menceburi bidang guaman selepas bergraduasi. Dengan adanya bengkel ini, diharap para pelajar dapat menimba ilmu secara langsung daripada seorang Ketua Hakim yang berpengalaman luas.

Dekan SoL juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Arif Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum di atas kesudian melapangkan masa berkongsi ilmu dengan pelajar Undang-undang di UUM. Beliau turut merakamkan penghargaan kepada para pelajar yang hadir memberikan komitmen dalam bengkel tersebut.

Sekian.

Pejabat Dekan (Dean Office)

Pusat Pengajian Undang-undang (School of Law)

UUM College of Law, Government & International Studies (UUM COLGIS)

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : 04-9288101 | Faks: 04-9288107 | Email : sol@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.